

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : [s.l]**  
**Tarikh : 6 JANUARI 2003**  
**Tajuk : UCAPAN SEMPENA PENYAMPAIAN SUMBANGAN PENA OLEH**  
**ANGKASA KEPADA TIMOR LESTE DAN AFGHANISTAN**

YM Professor Di Raja Ungku Abdul Aziz,  
Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YM Professor Di Raja Ungku Abdul Aziz dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad di atas sumbangan sebanyak 20,000 batang pen untuk sekolah-sekolah di Timor Leste dan Afghanistan. Kementerian ini akan memastikan sumbangan tersebut dihantar dan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan di kedua-dua buah negara itu. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sekalian maklum, Timor Leste, telah mencapai kemerdekaan pada bulan Mei 2002, manakala Afghanistan pula sedang bertungkus-lumus membangun semula negara mereka setelah sekian lama berada dalam kancah peperangan dan kemusnahan. Bantuan dan sokongan daripada masyarakat antarabangsa adalah diperlukan untuk membantu mereka dalam proses pembentukan semula ini. Malaysia telah memberikan bantuan kepada kedua-dua negara ini melalui perkongsian pengalaman serta keperluan-keperluan yang lain. Selain itu, kita juga ingin melihat Afghanistan menjadi sebuah negara Islam dan juga komuniti Antarabangsa yang berkualiti. Malaysia juga akan memberi sokongan padu kepada Timor Leste dalam membentuk sebuah negara yang membangun dan berpengaruh di rantau ini.

Sehingga kini, kita telah memberi sumbangan sebanyak USD 4.2 juta kepada Afghanistan, antaranya USD 1.39 juta adalah daripada Tabung Amanah Afghanistan, USD 2.36 juta adalah kos menghantar pasukan kesihatan Malaysia selama 6 bulan dan USD 500,000 sumbangan kepada United Nations Development Programme Start-Up Fund. Selain itu, kita juga telah menghantar sebanyak 3 kali barangan keperluan untuk membantu pelarian Afghan di sempadan Afghanistan-Pakistan.

Bagi Timor Leste pula, kita telah menghantar beberapa anggota polis dan askar untuk mengawal keselamatan di negara tersebut dibawah UNTAET dan UNMISSET sejak 1999. Sehingga kini, Malaysia telah memberikan bantuan kemanusiaan dalam bentuk ubat-ubatan dan makanan kepada Timor Leste berjumlah USD 100,000. Kita juga telah menderma sebanyak USD 60,000 untuk membina semula masjid yang telah musnah di Baucau, Timor Leste.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kerajaan Malaysia telah dan akan terus memberikan bantuan teknikal kepada kedua-dua negara ini di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Antara

elemen-elemen bantuan teknikal tersebut termasuklah menganjurkan latihan, kursus, khidmat nasihat dan penyediaan peruntukan biasiswa dalam perkhidmatan awam, perundangan, kewangan, pendidikan, perakaunan, audit dan latihan pemulihan dadah, pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang. Selain daripada itu, Kerajaan Malaysia juga turut mengalu-alukan sektor swasta untuk melabur dalam projek pembangunan infrastruktur di kedua-dua negara ini.

Rakyat Malaysia, termasuk organisasi bukan kerajaan seperti ANGKASA dan pertubuhan-pertubuhan yang lain kerap tampil ke hadapan untuk menderma dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik di mana-mana. Sikap murah hati sedemikian bukan sahaja menunjukkan sifat keperihatinan rakyat kita malah ia juga mencerminkan hasrat kita yang inginkan keamanan dan kestabilan di rantau serta di dunia sejagat.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada YM Professor Di Raja Ungku Abdul Aziz dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) kerana sumbangan yang telah dihulurkan ini.

Terima kasih.